

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KE-14

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L
RAJAJI [JELUTONG]**
TARIKH : **15 NOVEMBER 2021 (ISNIN)**

SOALAN

TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L RAJAJI [JELUTONG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Persekutuan untuk memulihkan projek kereta kabel di Bukit Bendera Pulau Pinang.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman ahli Yang Berhormat, semenjak pandemik COVID-19 melanda negara, Kerajaan telah berhadapan dengan pelbagai cabaran, termasuklah kedudukan kewangan yang terhad akibat kutipan hasil yang terjejas.

2. Namun, Kerajaan kekal komited dalam melindungi nyawa dan mata pencarian rakyat, kelangsungan perniagaan dan pemulihan ekonomi. Ini telah dibuktikan melalui lapan pakej bantuan dan rangsangan ekonomi berjumlah 530 bilion ringgit yang telah dilaksanakan semenjak Mac 2020.

3. Pada masa yang sama, Kerajaan juga perlu memberikan keutamaan kepada pelaksanaan Pelan Pemulihan Ekonomi (PPN), serta Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) bagi memastikan penularan pandemik terkawal, dan sektor-sektor ekonomi dan aktiviti sosial dapat dijalankan semula dengan selamat.

4. Sehubungan itu, Kerajaan terpaksa menyemak semula beberapa inisiatif dan langkah yang telah diperkenalkan dalam Belanjawan 2020, termasuklah projek kereta kabel Bukit Bendera.

5. Kini, tanda pemulihan ekonomi mula kelihatan susulan kejayaan PPN dan juga PICK di mana hampir semua negeri telahpun beralih ke Fasa 4, dan lebih dari 75 peratus keseluruhan populasi negara sudahpun lengkap divaksinasi. Ini telah membenarkan Kerajaan untuk memastikan kesinambungan projek infrastruktur yang mempunyai nilai pengganda yang tinggi.

6. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri dijemput untuk membuat permohonan bagi melaksanakan projek ini kepada Kerajaan Persekutuan melalui kementerian yang berkenaan. Permohonan ini seterusnya akan dipanjangkan ke Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri bagi penilaian yang seterusnya, tertakluk kepada keperluan kritikal dan kedudukan kewangan semasa Kerajaan Persekutuan.

Sekian, terima kasih.